


NewspaperSG

Silat dipertanding dalam Sukan Asia Jakarta 2018

Berita Harian, 19 October 2014, Page 19

 Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Silat dipertanding dalam Sukan Asia Jakarta 2018

 Scroll to Top

SILAT akan dipertandingkan buat julung-julung kali dalam Sukan Asia apabila temasya sukan terbesar serantau itu diadakan di Jakarta pada 2018.

Ini dinyatakan oleh Pengarah Besar Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Sheik Alau'ddin Yacoob, dalam satu wawancara dengan *Berita Minggu*.

Silat tidak disenaraikan dalam Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan, yang baru berlalu walaupun temasya itu mempertanding acara wushu, karate dan judo serta sukan tradisi popular di Asia Selatan iaitu kabbadi.

“Silat buat julung-julung kali disahkan sebagai salah satu acara merebut pingat yang bakal dipertandingkan dalam Sukan Asia Jakarta pada 2018.

“Ia telah diperlihatkan sebagai satu acara per-tunjukan dalam Sukan Asia Busan pada 2002,” kata Sheik Alau'ddin, yang juga Ketua Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Media Indonesia juga mengesahkan penyertaan silat dalam Sukan Asia 2018 di negara itu dalam laporan minggu lalu dengan menyatakan selaku tuan rumah, Jakarta berhak memperkenalkan tiga acara sukan yang boleh menyumbang kepada pungutan pingatnya.

“Pencak silat sudah pasti dipertandingkan dalam Sukan Asia 2018,” kata Rita Subowo, Pengerusi Jawatankuasa Olimpik Indonesia.

Menurut beliau, sebagai tuan rumah, Indonesia mempunyai hak prerogatif menentukan tiga cabang sukan yang berpeluang memperoleh pingat.

“Pencak silat merupakan salah satu sukan yang diusulkan dan sudah disetujui Jawatankuasa Olimpik Asia (OCA),” tambahnya.

Menjelaskan penyertaan silat dalam temasya itu, Sheik Alau’ddin berkata sebanyak 23 daripada 45 negara anggota OCA akan mengambil bahagian dalam acara itu, iaitu satu majoriti mudah.

Negara-negara itu termasuk 11 dari rantau Asean, lima dari Asia Tengah dan tujuh dari Asia Selatan.

Menurut beliau, Persisi dengan bantuan Persilat sedang giat mengembangkan silat di seluruh Asia, termasuk di Mongolia, Hongkong, Taiwan dan negara-negara Arab seperti Syria dan Iraq.

“Sekarang ini saya sendiri menerima banyak pertanyaan daripada rakan-rakan di seluruh Asia mengapa silat tidak dipertandingkan dalam Sukan Asia.

“Saya menjawab insya-Allah ia akan disertakan dalam Sukan Asia 2018 di Jakarta.

“Kami sedang berusaha gigih memperkenalkan silat ke seluruh dunia dengan mengusulkan penggunaan teknologi kamera serta rakaman video dan sistem pengadilan yang telus.

“Ini bertujuan menunjukkan bahawa silat satu sukan tradisi tetapi ia menggunakan teknologi canggih,” tambah Sheik Alau’ddin.

Sebelum ke Jakarta, silat akan turut dipertandingkan dalam Sukan Pantai Asia di Na Thrang, Vietnam, pada 2016 dan Sukan Tertutup dan Seni Mempertahankan Diri Asia (*Asian Indoor and Martial Arts Games*) pada 2017 di Ashgabat, Turkmenistan.